



# SPRM<sup>1</sup>

SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA



SPRM BIL. 2/2015

ISSN : 1675-5170



**10 SEKTOR SUKAN**  
Tumpuan utama  
SPRM pada tahun  
2015

**11 AL CAPONE:**  
Tewas kerana  
akauntan forensik

**PENYELEWENGAN PEROLEHAN:  
BUKAN ISU REMEH**



# SIDANG REDAKSI

**PENERBIT**

Tan Sri Dr. Abu Kassim bin Mohamed

**PENERBIT EKSEKUTIF**

Datuk Mustafar bin Ali

**PENASIHAT EDITORIAL**

Dato' Shamshun Baharin bin Mohd Jamil

**KETUA EDITORIAL**

Mohamad Tarmize bin Abdul Manaf

**WARTAWAN**

Faridah binti Mahabob  
Siti Nor Khalilah binti Abdullah Halim  
Bahagian Komunikasi Strategik

**UNIT FOTO**

Nur Irwan bin Abdul Rahman  
Rosman bin Abu Bakar  
Muhammad Multazam bin Mohd Shuhaini  
Ahmad Faiz bin Mad Isa

**EDARAN**

Azizi bin Arifin  
Yusof bin Mohamed Saberi

**KONSEP DAN REKABENTUK GRAFIK**

MPH Group Printing (M) Sdn Bhd



# KANDUNGAN

SIDANG REDAKSI / KANDUNGAN	2
PENA PENGARANG	3
PENYELEWENGAN PEROLEHAN: Bukan isu remeh	4
DIARI I.O: Aku insan biasa	6
LENSA	8
SEKTOR SUKAN	10
Tumpuan utama SPRM pada tahun 2015	
AL CAPONE: Tewas kerana akauntan forensik	11
BERITA NEGERI	14

**PENCETAK**

MPH Group Printing (M) Sdn Bhd  
No. 31, Jalan 2/148A, Taman Sungai Besi Industrial Park,  
57100 Kuala Lumpur.

Tel: 03 7987 0966 | Faks: 03 7984 0966

# PENA PENGARANG

Assalamualaikum WBT,  
salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

**K**esalahan rasuah bukan hanya melibatkan beri, terima suapan dan menggunakan jawatan atau kedudukan oleh pegawai awam. Dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, termasuk dalam kesalahan rasuah adalah mengemukakan dokumen yang mempunyai butiran palsu. Kesalahan ini boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja sama ada pegawai awam atau swasta.

Daripada aduan yang diterima SPRM dan operasi yang dijalankan dari semasa ke semasa mendapati kesalahan ini banyak dilakukan dalam sesuatu perolehan. Penyelewengan perolehan terutama dalam sektor awam amat membimbangkan kerana ia bukan sahaja merugikan kerajaan, malah menjelaskan kualiti produk, pembinaan dan perkhidmatan. Seterusnya membahayakan nyawa dan harta benda.

Selain sikap tamak dan ingin kaya secara mudah, penyelewengan perolehan berlaku kerana ruang dan peluang yang terbuka luas. Punca kelemahan ini adalah:

1. Sistem dan prosedur yang lemah;
2. Kurang pemantauan daripada pihak pengurusan;
3. Lemah kawalan dalaman; dan
4. Tiada pengasingan tugas.



“Penyelewengan perolehan terutama dalam sektor awam amat membimbangkan kerana ia bukan sahaja merugikan kerajaan, malah menjelaskan kualiti produk, pembinaan dan perkhidmatan. Seterusnya membahayakan nyawa dan harta benda.”

Banyak contoh boleh dijadikan tauladan bersama yang membabitkan penyelewangan dalam perolehan. Antaranya kes stadium Sultan Mizan Zainal Abidin di Terengganu yang runtuh berikutan bekalan bahan mentah tidak menepati piawaian yang bersesuaian, tanah runtuh di Bukit Antarabangsa yang terjadi akibat daripada penstrukturran binaan bangunan yang tidak menepati spesifikasi yang diberi. Paling terkini yang menarik perhatian masyarakat apabila beberapa pegawai TLDM ditangkap SPRM berikutan aktiviti penyelewengan dalam pembelian barang, perkakasan dan alat ganti.

Justeru, buletin edisi kali ini memberi fokus kepada isu-isu berkaitan penyelewangan dalam perolehan. Diharap ia dapat memberi manfaat kepada kita semua.

**Dato' Shamshun Baharin bin Mohd Jamil**  
Penasihat Eksekutif Editorial



# PENYELEWENGAN PEROLEHAN: BUKAN ISU REMEH

Oleh: Faridah binti Mahabob

**S**abtu tahun ini ketirisan perbelanjaan dana kerajaan menjadi topik hangat untuk dibahaskan. Baik di sidang Parlimen maupun di kedai kopi. Laporan Ketua Audit Negara yang dibentangkan pastinya memaparkan jumlah penyelewengan yang tinggi. Ketirisan ini melibatkan penyelewengan perolehan dalam agensi dan jabatan.

Penyelewengan dalam perolehan selalu sahaja dipandang remeh. Masyarakat lebih tertarik untuk membahaskan isu ikan jerung sehingga hari ini. Namun, hakikatnya penyelewengan dalam perolehan memberi impak yang besar kepada

negara. Bukan sahaja wang yang dikeluarkan lesap dan lebur bahkan keselamatan negara juga mungkin dalam bahaya.

Penyelewengan dalam perolehan merupakan salah satu daripada aspek jenayah rasuah. Penyelewengan dalam perolehan boleh dikaitkan dengan kesalahan mengemukakan tuntutan palsu iaitu mengemukakan dokumen tuntutan untuk bayaran walaupun kerja/perkhidmatan yang sepatutnya tidak dilaksanakan. Ataupun, pembekalan yang dibuat tidak mengikut spesifikasi atau kuantiti seperti mana yang dituntut.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesahkan telah menahan seramai 16 orang bagi membantu siasatan dalam kes yang melibatkan pembekalan barang dan peralatan kepada Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) baru-baru ini.

Daripada jumlah itu, enam orang merupakan anggota TLDM manakala baki adalah orang awam yang kebanyakannya adalah ahli perniagaan dan orang tengah. Pegawai dan anggota TLDM terdiri daripada pegawai yang berpangkat Pegawai Pemerintah, Lettenan Komander, Leftenan Tentera Laut dan Laskar Kanan.

Kesemua mereka ditahan pada 9 dan 11 Mac 2015 di Kuala Lumpur, Manjung, Ipoh dan Lumut. Kes ini disiasat

di bawah Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan juga Seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001.

Setakat ini, SPRM telah membekukan wang dalam simpanan sebanyak RM23 juta. Nilai ini termasuklah saham lebih RM5 juta. Wang tunai lebih RM200,000 juga dirampas. Lebih 240 akaun bank turut dibekukan.

Selain itu, sebanyak 13 kereta, antaranya Lamborghini, BMW, Mercedes-Benz dan Audi juga disita. Dalam operasi ini, SPRM turut merampas sejumlah jam tangan berjenama mewah seperti Louis Vuitton, Patek Philippe, Tag Heuer dan Frederique Constant.



Sebahagian daripada 14 individu termasuk lima pegawai dan anggota TLDM dibawa ke mahkamah untuk permohonan reman selama tujuh hari bagi membantu siasatan memberi dan menerima rasuah di Mahkamah Majistret Ipoh, Perak. –UTUSAN MALAYSIA.



Kenyataan di atas merupakan petikan daripada laporan media berikutan penahanan enam anggota TLDM yang didapati terlibat dengan kes penyelewengan perolehan yang berlaku baru-baru ini.

Dalam kes tersebut, kerajaan terpaksa menanggung perbelanjaan yang berulang lantaran daripada bekalan alat ganti bagi aset-aset TLDM yang tidak berkualiti dan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

Umum mengetahui TLDM merupakan antara pertahanan utama negara. Aset-aset TLDM merupakan senjata yang digunakan bagi mempertahankan keselamatan negara. Jika peralatan, perkakasan atau alat ganti yang dibeli tidak dapat digunakan, apa akan jadi pada keselamatan negara.

Kes TLDM hanya merupakan satu contoh yang berlaku baru-baru ini. SPRM menerima pelbagai maklumat dan aduan berkaitan penyelewengan dalam perolehan. Tidak hanya berlaku di agensi kerajaan, ia

“ Penyelewengan perolehan merupakan salah satu daripada aspek jenayah rasuah. Penyelewengan dalam perolehan boleh dikaitkan dengan kesalahan mengemukakan tuntutan palsu iaitu mengemukakan dokumen tuntutan untuk bayaran walaupun kerja/ perkhidmatan tidak dilaksanakan. ”

turut berlaku di syarikat berkaitan kerajaan (GLC), sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pertubuhan politik.

Penyelewengan dalam perolehan ini sekiranya dapat ditangani pastinya memberi manfaat kepada negara. Jumlah wang yang diselamatkan dapat digunakan untuk membina prasarana dan infrastruktur yang lebih baik berbanding sekarang. ♦



# Aku Insan Biasa...

Oleh: Faridah binti Mahabob  
Idea Asal: Mohd Firdaus bin Ramlan

*Lautan yang mana tidak bergelombang  
Bumi yang mana tidak ditimpah hujan  
Aku seperti mu ada waktu diburu  
Oleh dosa-dosa masa nan lalu*

Bait-bait lagu ini sering bermain di fikiran.

Orang selalu kata untuk maju kita harus terus langkah ke hadapan. Jangan menoleh ke belakang. Tetapi tidak bagi aku. Aku harus sentiasa menoleh ke belakang. Hanya dengan begitu aku mampu mengingatkan diriku.

Aku anak orang susah. Bapaku bersawah demi menyara hidup dan membesarakan aku adik beradik. Walaupun hidupku tidaklah semiskin kais pagi makan pagi, namun aku juga tidak pernah merasai kemewahan hidup.

Aku melangkah ke menara gading berbekalkan pinjaman daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN). Selebihnya aku hanya dibekalkan dengan wang saku sejumlah RM50 sahaja. Aku mula cemburu dengan rakan-rakan lain yang mampu berbelanja besar dan menggunakan barang-barang berjenama sedangkan aku perlu berjimat cermat.

Aku sematkan tekad dan berazam, suatu hari nanti aku akan lebih kaya dan lebih bergaya daripada rakan-rakanku sekarang.

Berbekalkan ijazah dalam bidang perundungan, aku mula mendaki sedikit demi sedikit. Daripada seorang yang bergelar juruacara mahkamah hingga bergelar majistret.

Kerjayaku sangat mengujakan. Malahan aku sentiasa bersemangat untuk memberikan khidmat yang terbaik untuk pelanggan-pelangganku.

Malangnya itu hanya sementara. Alam pekerjaan rupa-rupanya mengundang lebih banyak cabaran dan dugaan. Godaannya juga lebih kuat. Saban hari, aku bertemu dengan insan-insan yang pelbagai ragam.

Akhirnya aku tewas...

Aku gagal mempertahankan integriti diriku. Bergaul dengan rakan-rakan yang rata-ratanya terjebak dengan budaya-budaya tidak sihat, lantas membuatkan aku turut terjerumus. Apatah lagi kuasa wang juga menggelapkan mataku.

“ Malangnya itu hanya sementara. Alam pekerjaan rupa-rupanya mengundang lebih banyak cabaran dan dugaan. Godaannya juga lebih kuat. Saban hari, aku bertemu dengan insan-insan yang pelbagai ragam. ”

Tekad yang ku tanam, cuba aku penuhi. Bergelar seorang majistret memudahkan aku untuk memenuhi keinginanku. Aku tidak lagi peduli pada hukum halal dan haram. Aku tidak kisah apa kata orang sekelilingku. Janji hidup aku mewah. Hutang aku langsai.

Aku bermula dengan kesalahan trafik, kesalahan yang paling kecil. Jika difikirkan kos bicara dan kos peguam lebih berbaloi jika diselesaikan di luar mahkamah. Sedikit demi sedikit aku memahirkkan diriku dalam permainan ini.

Aku rasa nikmatnya kesenangan dengan cara begini. Daripada sekotak rokok, akhirnya aku mula mengenakan cas yang aku rasakan berbaloi. Pada permulaannya aku sekadar bermain dengan nilai-nilai yang kecil dan semakin lama semakin besar sehingga mencécah puluhan ribu ringgit.

Aku tahu apa yang aku lakukan ini satu kesalahan, tetapi aku juga enggan berganjak. Isteriku pernah juga bertanya kerana merasakan seperti ada yang tidak kena dengan pendapatan yang aku terima. Namun aku nafikan.

Bak kata pepatah, sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh juga ke tanah.

Aku akhirnya ditahan oleh SPRM atas maklumat daripada seseorang. Pelbagai helah aku gunakan untuk menafikan kesalahan tetapi terpaksa juga akur apabila aku didapati bersalah di Mahkamah Rayuan.

Ibarat sudah jatuh ditimpa tangga. Aku bukan sahaja didapati bersalah, malahan aku kehilangan segala-galanya. Keluargaku terlibat dalam kemalangan yang mengorbankan ibu, bapa dan adikku. Aku kehilangan semua harta dan kemewahan. Mujurlah isteriku masih setia dan terus bersamaku.

Kini, walaupun aku telah dibebaskan, namun rasa penyesalan ini akan terus membengguku seumur hidup. Hanya dengan cara membantu SPRM, berkongsi pengalaman hidupku, dapat mengurangkan sedikit bebanan kesalahan yang aku lakukan. ”

Mohd Firdaus dituduh atas dua kesalahan menerima rasuah berjumlah RM8,000 sebagai balasan membebaskan seorang individu dengan bon berkelakuan baik selama dua tahun dengan cagaran RM1,000.

Bagi pertuduhan pertama, Mohd Firdaus dijatuhan hukuman penjara tiga tahun dan denda 15,000 (atau 12 bulan penjara). Bagi pertuduhan kedua pula, beliau dijatuhan hukuman tiga tahun penjara dan denda RM25,000 (atau 18 bulan penjara). Hukuman penjara diperintahkan berjalan serentak.

Setelah menjalani hukuman, kini beliau aktif mendidik masyarakat mengenai jenayah rasuah dengan berkongsi pengalaman beliau.

**NOTA:** Cerita di atas merupakan kisah sebenar bekas Majistret Kuala Krai, Mohd Firdaus bin Ramli. Beliau berharap agar kisah tersebut dapat menjadi pengajaran kepada kita semua.



## LENSA



Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Dr. Abu Kassim beramah mesra dengan Menteri Belia dan Sukan, Yang Berhormat Khairy Jamaludin semasa Program Merakyatkan SPRM bersama Pejabat Pesuruhjaya Sukan.



Maskot Upin Ipin dan Ajen Lang turut hadir pada Program *Speak Up Against Corruption* di Publika, Kuala Lumpur.



Kunjungan hormat daripada Kedutaan Australia ke Ibu Pejabat SPRM.



Mesyuarat Negara Anggota Asia Tenggara Memerangi Rasuah (SEAPAC) kali ke 11.



Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Dato' Paul Low Seng Kuan merasmikan Program *Youth For Integrity*.



Penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2014 bergambar kenangan dengan Pengurusan Tertinggi SPRM.



Gambar atas:  
Pengarah Bahagian  
Pendidikan Masyarakat  
bersama maskot WAR, Master  
Q sempena pelancaran WAR  
di SJK (C) Chuen Min.

Gambar kiri:  
Pengerusi TI Malaysia, Dato'  
Akbar bin Satar melancarkan  
buku Bersuara Menentang  
Rasuah, Buku Panduan  
Warganegara semasa Program  
Speak Up Against Corruption.



Wajah-wajah ceria penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang SPRM bagi tahun 2014. Sekalung tahniah diucapkan.



Peserta-peserta SEAPAC dibawa mewatap Bilik Temubual Bervideo  
(VIR) di SPRM Pulau Pinang.

# SEKTOR SUKAN TUMPUAN UTAMA SPRM PADA TAHUN 2015

BUKIT JALIL, 30 April - Sektor sukan merupakan salah satu tumpuan utama SPRM pada tahun ini dalam usaha untuk 'Merakyatkan SPRM'.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed berkata, "Majlis ini cukup penting dalam menzhirkan komitmen semua pihak untuk meningkatkan integriti sekaligus dapat menarik masyarakat untuk memberikan perhatian terhadap isu rasuah dan kualiti sukan di negara ini."

"Pembudayaan dan pengukuhan elemen integriti ahli-ahli sukan penting dalam menaikkan imej negara dalam bidang sukan di peringkat antarabangsa," katanya ketika hadir pada majlis penutup Program Merakyatkan SPRM Bersama Pejabat Pesuruhjaya Sukan (PJS) di Dewan Perdana, Institut Sukan Negara.

Sementara itu, dalam ucapan perasmian oleh Menteri Belia dan Sukan Malaysia, YB Encik Khairy Jamaluddin berkata, "Inisiatif di bawah NKRA-Membanteras Rasuah ini merupakan pendekatan yang cukup baik bagi mengatasi masalah rasuah terutamanya dalam mengurangkan ruang dan peluang perlakuan rasuah khususnya dalam kalangan badan sukan".

"Bagi memperkuuh elemen integriti dalam sukan, adalah amat penting bagi memupuk satu etika kerja yang sangat murni dan penuh integriti sebagai nadi kepada



YB Khairy Jamaluddin ketika berucap di Program Merakyatkan SPRM bersama Pesuruhjaya Sukan.

pencapaian hasil kerja dalam erti kata yang sebenar-benarnya."

Ujarnya lagi, "Antara cabaran utama dalam pembangunan sukan adalah melahirkan lebih ramai atlet bertaraf antarabangsa dalam pelbagai jenis sukan".

"Oleh yang demikian, amalan integriti yang tinggi perlu diterapkan dalam pelbagai aspek bagi membolehkan usaha pembangunan sukan yang dipertanggungjawabkan kepada kita dapat dilaksanakan sepenuhnya".

Program yang berlangsung selama setengah hari ini menghimpukan lebih 300 peserta yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin persatuan sukan, pegawai-pegawai dari Pejabat Pesuruhjaya Sukan (PJS)

dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Di sesi pagi, diadakan Forum Integriti Maruah Sukan Negara dan ceramah bertajuk 'Rasuah Dalam Sukan'.

Turut hadir pada majlis perasmian penutup, Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan, Datuk Jamil bin Salleh, Pesuruhjaya Sukan Malaysia, Dato' Zaiton binti Othman, Naib Presiden Majlis Olimpik Malaysia, Low Beng Choo dan Naib Presiden Konfederasi Hoki Malaysia, Prof. Dr. Shamala Subramaniam.

Majlis berakhir dengan penyampaian sijil penyertaan kepada Naib Presiden Majlis Olimpik Malaysia, Dato' Daniyal Balagopal, mewakili persatuan-persatuan sukan yang hadir. ♀



# AL CAPONE:

## TEWAS KERANA AKAUNTAN FORENSIK

Oleh: Mohamad Tarmize bin Abdul Manaf

**S**iapa yang tidak kenal Alphonse ‘Scarface’ Capone atau Al Capone? Beliau adalah legenda gengster yang paling terkenal dalam sejarah. Semasa Al Capone berkuasa sekitar tahun 1920-an dan 1930-an, agen FBI terbaik sekalipun tidak berjaya menangkapnya.

Al Capone tewas kerana seorang akauntan iaitu Frank J. Wilson. Wilson dianggap akauntan forensik prolifik terawal dalam sejarah yang bertanggungjawab menyebabkan Al Capone meringkuk di penjara kerana kesalahan ‘lari cukai’ (*tax evasion*) pada tahun 1931.

Kisah Al Capone adalah yang paling menarik untuk melihat peranan seorang akauntan forensik. D. Larry Crumbley dan Nicholas G. Apostolou (2007) menulis artikel bertajuk *America’s First (and Most Fearless) High Profile Forensic Accountant* yang menceritakan secara ringkas kes tersebut.

### Kekuasaan Al Capone

Semasa zaman puncaknya, Al Capone menguasai bandar Chicago sehingga ke Illinois. Sebagai ketua kongsi gelap, beliau mengawal aktiviti perjudian, kelab malam, lumba kuda dan anjing, pusat pelacuran dan kilang arak. Dengan rasuah, Al Capone turut menguasai ahli politik, hakim, polis dan media.

Walaupun pelbagai jenayah berat dilakukan, usaha penguat kuasa untuk melumpuhkan kegiatan Al Capone sering kali gagal dan Al Capone terus bebas. Sebab utamanya adalah kerana Al Capone merasuh pegawai penyiasat, hakim dan juri serta tindakannya ‘menghapuskan’ semua saksi-saksi yang terlibat. Al Capone begitu bijak menghilangkan jejak jenayahnya.

## Skuad *Untouchables*

Elliot Ness dan skuad '*Untouchables*' di bawah Prohibition Bureau, cuba memusnahkan sindiket jenayah Al Capone secara tindakan keras yang agresif. Kumpulan ini membuat serbuan demi serbuan ke atas premis milik Al Capone. Kisah skuad '*Untouchables*' pernah dijadikan modal filem Hollywood terkenal dengan tajuk '*The Untouchables*' (1987) lakonan Kevin Costner dan Sean Connery. Berbanding dalam filem yang menyifatkan Elliot Ness seorang yang agresif, realitinya, beliau lebih banyak melakukan tugas perhubungan awam dan menghabiskan banyak masanya di pejabat.

Tindakan agresif melalui serbuan hanya mampu menggugat aktiviti Al Capone tetapi tidak dapat menyumbatnya ke penjara.

## Kes lari cukai Al Capone

Pada tahun 1929, Presiden Hoover dan Setiausaha Perbendaharaan, Andrew Mellon bersumpah untuk mengheret Al Capone ke muka pengadilan. Strateginya adalah mengaitkan Al Capone dengan kesalahan lari cukai.

Walaupun Al Capone hidup mewah dan berbelanja boros, beliau tidak pernah membayar cukai. Al Capone tidak mempunyai akaun bank dan tidak pernah menandatangani sebarang dokumen atas namanya walaupun untuk pembelian harta tanah. Semua perbelanjaan Al Capone dibuat secara tunai.

Untuk mengaitkan Al Capone dengan kesalahan lari cukai, mesti dibuktikan Al Capone memperoleh pendapatan lebih \$5,000, iaitu nilai yang dikenakan cukai pada ketika itu. Agensi Percukaian Persekutuan menganggarkan pendapatan tahunan Al Capone adalah sebanyak \$50 juta.



Elliot Ness



## Frank J. Wilson

Kerajaan menugaskan Frank J. Wilson, 42 tahun, salah seorang agen khas di Baltimore untuk ke Chicago bersama lima agen lain bagi membina kes lari cukai terhadap Al Capone. Wilson merupakan seorang penyiasat yang amat agresif. Elmer Irey iaitu Ketua Unit Perisikan Khas, Jabatan Perbendaharaan menyifatkan Wilson sebagai "*fears nothing that walks. He will sit quietly looking at books eighteen hours a day, seven days a week, forever, if he wants to find something in those books*". Seorang tertuduh yang pernah disasat Wilson mengatakan, "*He sweats ice water*".

## Siasatan bermula

Dalam musim panas, tahun 1930, Wilson dan pasukannya memeriksa hampir dua juta dokumen yang mana diperoleh melalui beberapa siri rampasan dalam tempoh enam tahun di premis yang dipercayai milik Al Capone. Mereka cuba untuk membuktikan Al Capone berbelanja secara mewah dan dengan secara langsungnya menunjukkan Al Capone memperoleh pendapatan yang banyak.

Pasukan Wilson menemu duga ahli perniagaan, ejen harta tanah, kerani hotel, akauntan dan pekerja kelab malam yang rata-ratanya tidak mengaku ada berurusan dengan Al Capone kerana takut. Siasatan juga dibuat dengan



Frank J. Wilson

mewujudkan pemberi maklumat dan melalui analisa rekod telefon, bank serta berbagai dokumen lain. Mereka cuba mengesan kelemahan atau kesilapan yang Al Capone lakukan.

Setelah berbulan kerja keras dan maklumat demi maklumat diperoleh, namun semuanya menemui jalan buntu kerana kelicikan Al Capone. Tidak ada satu pun bukti yang dapat mengaitkan Al Capone dengan pendapatan yang diperolehnya.

## Petunjuk awal

Akhirnya pada satu malam sekitar jam 1.00 pagi, Wilson menerima tiga ikatan *ledger* berkaitan aktiviti perjudian. Menurut polis tempatan, *ledger* tersebut diperoleh hasil serbuan daripada sebuah premis di Cicero.

Dalam setiap helaian *ledger* yang dijumpai itu, terdapat catatan pengiraan pendapatan bersih yang dibahagi kepada tiga individu yang hanya ditulis sebagai 'A', 'R' dan 'J'. Di beberapa muka surat, ditulis juga perkataan 'Al'. Penemuan paling penting adalah di satu muka surat, tercatat "*Frank paid \$17,500 for Al*".

Ini adalah petunjuk pertama yang mungkin dapat mengaitkan Al Capone dengan pendapatan daripada aktiviti perjudian terbabit. Dengan penemuan itu, apa yang Wilson perlu buat adalah mencari orang yang menulis catatan itu. Seterusnya dapat memberi keterangan individu 'A' dan 'Al' merujuk kepada Al Capone.

Selama tiga minggu, Wilson mengesan siapa yang menulis catatan penting itu. Wilson mengumpul contoh tulisan tangan rakan sekutu Al Capone di Chicago. Akhirnya, Wilson menjumpai slip bank deposit di Cicero yang mana tulisan tangannya sama dengan tulisan tangan di ketiga-tiga *ledger*.

## Kejayaan siasatan

Individu yang dikenal pasti itu bernama Shumway. Wilson memujuk Shumway yang ditemui di Miami agar bekerjasama bagi membuktikan pendapatan Al Capone daripada aktiviti perjudian daripada tahun 1924 hingga 1926.

Walaupun bukti telah ada, Wilson masih perlu buktikan hasil aktiviti perjudian masuk ke 'poket' Al Capone. Usaha penyiasatan diteruskan.

Hasil maklumat yang diperoleh, Wilson menemui individu yang dikenali J.C. Dunbar. Beliau dikatakan membawa wang tunai beratus ribu dolar dan membeli

cek juruwang (*cashier's checks*) bernilai \$300,000. Dengan bantuan inspektor surat, Wilson berjaya menahan J.C. Dunbar (nama sebenarnya adalah Reis) di St. Louis. Reis dibawa ke Chicago untuk memberi keterangan bahawa cek juruwang tersebut merupakan bahagian Al Capone daripada keuntungan beberapa buah kasino.

Pada masa yang sama juga, semasa memeriksa transaksi pemindahan wang Western Union dari Chicago bagi tahun 1927 dan 1928, pasukan Wilson menemui bukti bahawa keluarga Al Capone di Chicago kerap menerima pemindahan wang. Al Capone sendiri menerima pemindahan wang di Miami dengan menggunakan nama samaran.

## Perbicaraan

Dengan bukti dan keterangan yang ada, dalam bulan Mac dan Jun 1931, Al Capone dituduh atas 23 kesalahan cuba mengelak daripada cukai yang bernilai \$250,000 bagi pendapatan yang tidak diisyiharkannya dari tahun 1924 hingga 1929.

Perbicaraan Al Capone ditetapkan pada Oktober 1931. Seperti kes-kes lalu, Al Capone yakin akan terlepas, sehinggalah Hakim Wilkerson menggantikan juri sedia ada dengan juri lain. Daripada maklumat yang diperoleh Wilson, Al Capone telah 'membeli' juri asal. Juri baharu ini diasingkan bagi mengelakkan cubaan rasuah oleh Al Capone.

Perbicaraan yang berlangsung menyaksikan Shumway dan Reis memberi keterangan dengan gementar. Pendakwa Raya Amerika Syarikat membawa beberapa saksi lain untuk menunjukkan kemewahan Al Capone menerusi pakaian mewah, perabot, makanan dan hadiah yang jumlah keseluruhannya dianggarkan bernilai \$116,000. Semua perbelanjaan ini menunjukkan sesuatu yang amat mustahil kepada Al Capone yang mendakwa tidak mempunyai sumber pendapatan.

Al Capone masih percaya beliau akan terlepas. Namun, amat memerlukan Al Capone apabila mahkamah mendapati beliau bersalah atas kesalahan lari cukai. Al Capone dijatuhkan hukuman 11 tahun penjara dan denda keseluruhannya berjumlah \$250,000. Al Capone juga terpaksa membayar \$30,000 kos mahkamah. Hukuman terhadap Al Capone itu merupakan rekod paling tinggi pada ketika itu.

Pada 1939, Al Capone dibebaskan dari penjara Alcatraz. Beliau tinggal di Florida dan mengidap penyakit '*neurological damage*' akibat siflis kronik. Al Capone meninggal dunia pada tahun 1947 pada umur 48 tahun. ♦

## BERITA NEGERI

# ADUN BN DAN PEMBANGKANG SABAH CIPTA SEJARAH

**KOTA KINABALU, 14 April –** Seramai 60 ADUN Barisan Nasional (BN) dan pembangkang Sabah mencipta sejarah apabila kesemua mereka menandatangani Aku janji Komitmen Kerjasama dan Sokongan Pencegahan Rasuah.

Surat aku janji yang ditandatangani oleh 49 wakil rakyat BN, sembilan orang pembangkang dan dua ADUN Bebas di Bangunan Dewan Undangan Negeri itu diketuai Ketua Menteri, Datuk Seri Musa bin Aman.

Surat aku janji itu kemudian diserahkan Datuk Seri Musa dan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Lajim Ukin kepada Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed.

Dua ADUN BN iaitu ADUN Sugut, Datuk James Ratib dan ADUN Senallang, Datuk Seri Nasir bin Tun Sakaran tidak dapat hadir dalam majlis tersebut atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.

Dalam ucapannya, Tan Sri Abu Kassim berkata, aku janji itu ditandatangani bagi meningkatkan keyakinan dan kesanggupan ahli politik untuk bersama-sama SPRM dalam menolak jenayah rasuah, salah gunakuasa mahupun penyelewengan; mewujudkan kefahaman serta meningkatkan sokongan ahli politik dalam usaha menghapuskan gejala rasuah.

“Sabah hari ini telah membuat satu sejarah dengan menandatangani ikrar integriti kerana Sabah merupakan negeri yang pertama di Malaysia mengambil langkah menandatangani ikrar integriti.”



Ketua Menteri Sabah, YBhg. Datuk Seri Musa bin Aman menyerahkan Aku Janji ADUN Sabah kepada Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed.

“Langkah yang diambil oleh YB pada hari ini adalah satu perubahan penting,” kata beliau.

“Aku janji ini juga dibuat bagi menzahirkan komitmen pemimpin politik negeri ini bersama SPRM dalam mencegah rasuah selain menjadikan pemimpin politik Sabah sebagai ikon membanteras rasuah di mata masyarakat.”

Komitmen yang dizahirkan oleh semua ADUN ini mengandungi enam perkara iaitu:

- a. Kesungguhan pemimpin dalam meluluskan dan menguatkuaskan sesuatu peraturan dan undang-undang;
- b. Menjadi ‘role model’ kepada barisan pelapis politik negara serta masyarakat sekeliling,
- c. Mengamalkan integriti dalam urusan pentadbiran dan perlakuan individu,
- d. Bersifat lebih telus dan berpegang kepada janji dalam melaksanakan tindakan terutamanya dalam pengendalian dana dan sumbangan politik,
- e. Tidak mempolitikkan isu rasuah bagi mempengaruhi masyarakat dalam meraih sokongan dan undi, dan
- f. Bersama-sama membantu SPRM dalam memerangi jenayah rasuah secara ikhlas dengan memberi sokongan dan kepercayaan terhadap segala tindakan SPRM.

Sementara itu, Datuk Seri Musa dalam ucapannya berkata, tanggapan masyarakat bahawa pemimpin politik sering melakukan salah guna kuasa, rasuah dan tidak boleh dipercayai perlu diperbetulkan dengan memperlihatkan kesungguhan mereka untuk bersama-sama menyokong program pencegahan rasuah.

Selain menandatangani Aku Janji itu kata beliau, pemimpin politik wajar menunjukkan contoh terbaik melalui tindakan kepemimpinan yang telus, adil dan berintegriti khususnya dalam soal-soal pengurusan projek pembangunan, penyaluran peruntukan kewangan dan bantuan kepada rakyat.

“Kita percaya usaha ini akan menjadi ikutan dan teladan kepada masyarakat sekali gus menjadikan pemimpin politik sebagai ikon masyarakat yang perlu dicontoh dalam pelbagai aspek.

“Kita juga amat berharap semua ADUN memberi komitmen sepenuhnya bagi memastikan objektif pencegahan dan pembanterasan rasuah terlaksana dengan jayanya,” katanya.

Sebelum itu iaitu pada 8 Mac 2015, seramai 10 wakil rakyat Sabah, masing-masing lima Ahli Parlimen dan ADUN, menandatangani Aku Janji Komitmen Kerjasama dan Sokongan Pencegahan Rasuah. 

## PAS ZAHIR SOKONGAN PADU PINDA PERLEMBAGAAN PERKASA SPRM

**KUALA LUMPUR,** 1 April— PAS menzahirkan komitmen akan memberi sokongan padu ke atas pindaan Perlembagaan Persekutuan bagi membolehkan pembentukan Suruhanjaya Perkhidmatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang dilihat akan menjadikan SPRM lebih bebas dan berwibawa.

Komitmen itu dinyatakan oleh Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi bin Awang pada program *Dinner Talk* Pengurusan Tertinggi SPRM bersama Ahli-ahli Parlimen PAS dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) PAS di Bangunan Parlimen.

“Kami 21 Ahli Parlimen PAS akan sokong (pindaan Perlembagaan), insya-Allah,” kata Abdul Hadi ketika memberi respons kepada penerangan

yang disampaikan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi), Dato’ Sri Mohd Shukri bin Abdull yang mewakili Ketua Pesuruhjaya, Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed.

Dalam ucapannya, Datuk Seri Abdul Hadi berkata, undang-undang perlu diperkuatkan bagi memperkasakan SPRM dalam usaha pencegahan rasuah. SPRM perlu diberi kebebasan untuk bertindak dalam melaksanakan peranannya dan ahli-ahli Parlimen juga perlu bertanggungjawab mengemukakan cadangan bagi meningkatkan martabat SPRM.

Jelas beliau, PAS sentiasa memberi kerjasama sepenuhnya dan membuka pintu kepada SPRM, termasuk semasa memimpin kerajaan negeri, untuk menyiasat jenayah rasuah

## PELANCARAN KEMPEN WAR PERTAMA TAHUN INI DI SJKC CHUEN MIN

**KLANG,** 2 April — Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menerusi Bahagian Pendidikan Masyarakat telah melancarkan Kempen Wira Anti Rasuah (WAR) yang pertama pada tahun ini di Sekolah Kebangsaan Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Chuen Min.

Pelancaran Kempen WAR di SJKC Chuen Min ini disempurnakan oleh Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM, Dato’ Shamshun Baharin bin Mohd Jamil.

Hadir sama dalam majlis ini ialah Guru Besar SJKC Chuen Min, Phang Seng Tuan, Timbalan Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat, KPKPj Abdul Samat bin Kasah, pegawai-pegawai SPRM dan guru-guru SJKC Chuen Min.

Menerusi ucapan perasmian, Dato’ Shamshun berkata, “Kempen

WAR bertujuan mendidik para pelajar seawal dari sekolah rendah agar mempunyai nilai-nilai integriti sebagai perisai agar tidak terjebak dengan gejala rasuah apabila dewasa kelak.”



Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat, Dato’ Shamshun Baharin bin Mohd Jamil memukul gendang sebagai simbolik perasmian WAR 2015.

“SPRM juga menjemput para pelajar serta guru-guru SJKC Chuen Min mengunjungi ibu pejabat SPRM untuk mengetahui lebih lanjut tentang SPRM serta bagaimana cara pegawai SPRM bertugas,” ujar beliau lagi dalam ucapannya.

termasuk dalam kalangan anggota parti itu sendiri.

Dalam pada itu, Dato’ Sri Mohd Shukri berkata, SPRM berharap pihak lain juga memberi sokongan padu seperti yang dizahirkan oleh PAS apabila perkara tersebut dibawa ke Parlimen kelak.

Seramai 10 Ahli Parlimen dan 15 ADUN PAS di Terengganu menghadiri program tersebut. Turut hadir Penolong Setiausaha Agung PAS, Datuk Takiyuddin bin Hassan yang juga Ahli Parlimen Kota Bharu dan ahli Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah, badan bebas yang memantau perjalanan SPRM. ♦



Presiden Pas, Datuk Seri Haji Abdul Hadi Awang menerima cenderahati sebagai tanda penghargaan daripada Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) Dato’ Sri Shukri.

Turut diadakan pada majlis ini ialah pelancaran komik Old Master Q yang kemudiannya diagihkan kepada para pelajar.

Kemunculan Maskot Ejen Lang pada akhir majlis menggamatkan suasana serta menarik perhatian para pelajar yang berpusu-pusu untuk bergambar dan beramah mesra. ♦

## WAR KE KEDAH

**BALING,** 30 April — Selepas SJKC Chuen Min, Program WAR turun ke Kedah. Sekolah yang terpilih adalah SMK Tunku Putra, Baling, Kedah. Majlis perasmian Program WAR ini disempurnakan oleh Pengarah SPRM Kedah, KPKPj Fauzi bin Mohamed. Lebih kurang 1,000 peserta hadir terdiri daripada pelajar, guru-guru dan ibu bapa kepada pelajar SMK Tunku Putra. Ini merupakan sekolah aliran Melayu pertama yang terlibat dalam Program WAR. ♦



WALAU SIAPA PUN MEREKA,  
PENJENAYAH **RASUAH**  
TETAP DIBURU